

NO. SOALAN: 345

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS(2017)  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HAJAH NORMALA BINTI  
ABDUL SAMAD [PASIR GUDANG]**

**SOALAN :**

**Dato' Hajah Normala Binti Abdul Samad [Pasir Gudang] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah kes perceraian pasangan Islam yang masih belum selesai mengikut negeri dan apakah punca berlakunya masalah sedemikian.**

**JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR  
BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN  
PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman ahli yang Berhormat, bahawa kuasa berkaitan hal ehwal Islam termasuklah urusan Mahkamah Syariah dan perkahwinan/ perceraian adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri sebagaimana yang diperuntukkan dalam Butiran 1, Senarai II, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, jumlah kes perceraian bagi negeri-negeri hendaklah dirujuk kepada negeri-negeri berkenaan.

Bagi wilayah Persekutuan, berdasarkan semakan di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, jumlah kes perceraian pasangan Islam yang masih belum selesai bagi tahun 2016 adalah sebanyak 156 kes.

Berkenaan dengan punca kes-kes tersebut masih belum selesai adalah kerana terdapat prosiding dan tatacara undang-undang yang perlu dipatuhi oleh pihak-pihak di dalam proses perceraian di Mahkamah Syariah antaranya seperti berikut :-

- a. Proses penyampaian saman yang perlu dilaksanakan di luar Wilayah Persekutuan dan mengambil masa untuk disempurnakan.
- b. Saman gagal disempurnakan secara kediri kepada Defendan berikutan alamat yang tidak lengkap / tidak wujud yang menyebabkan kes terpaksa ditangguhkan bagi penyampaian secara ganti mengikut tatacara undang-undang.
- c. Terdapat kes-kes yang melibatkan salah satu pihak berada di luar negara yang menyebabkan proses penyampaian saman tersebut memerlukan tempoh atau masa yang lebih panjang.
- d. kesukaran mendapat kerjasama dari Defendan (suami) untuk hadir dan memberikan keterangan di Mahkamah terutamanya bagi kes pengesahan lafaz cerai.
- e. Permohonan penangguhan kes oleh pihak-pihak di saat-saat akhir atas sebab yang tidak dapat dielakkan seperti cuti sakit, bertugas di luar kawasan (*outstation*) dan sebagainya.

- f. Komitmen dan kesesuaian saksi pihak-pihak untuk hadir dan memberikan keterangan pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan oleh Mahkamah.

Walaupun bagaimanapun, satu inisiatif telah dilakukan oleh Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan pada bulan Julai 2016 bagi mempercepatkan penyelesaian kes-kes termasuklah kes-kes perceraian dengan sasaran tempoh penyelesaian bagi sesuatu kes hendaklah diselesaikan dalam tempoh tidak melebihi 10 bulan selepas didaftarkan melalui Program yang dikenali sebagai Sifar Kes Tertunggak (SiKeT) di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN ( 346 )****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. DATO' HAJAH NORMALA BINTI ABDUL  
SAMAD  
[PASIR GUDANG]**

**SOALAN :-**

**YB. Dato' Hajah Normala Binti Abdul Samad [Pasir Gudang] minta  
MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN menyatakan mekanisme yang digunakan bagi  
penguatkuasaan dan pemantauan terhadap warga asing yang  
menjalankan perniagaan dengan menggunakan lesen perniagaan milik  
warga tempatan serta berapakah jumlah tangkapan yang telah dibuat.**

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengambil berat dan prihatin mengenai isu warga asing yang menjalankan perniagaan kecil menggunakan lesen milik warga tempatan.

Bagi membendung perkara ini dari terus berleluasa, KPKT telah mengambil tindakan dengan mengeluarkan Pekeliling Pengeluaran Permit Perniagaan Kecil oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pada 30 Jun 2008.

Antara intipati yang ditekankan dalam pekeliling ini adalah dari segi penguatkuasaan terhadap perniagaan kecil iaitu:

- i. Pengeluaran Permit Perniagaan Kecil hanya dikeluarkan kepada warganegara Malaysia sahaja;

- ii. Pemilik Permit hendaklah berada di tempat berniaga pada sepanjang masa;
- iii. Tindakan pembatalan Permit boleh diambil ke atas pemilik yang memindah Permit Perniagaan mereka kepada warga asing; dan
- iv. PBT boleh menyita serta merampas barang jualan serta merta tanpa perlu mengenakan amaran terlebih dahulu bagi perniagaan tanpa Permit/lesen.

Selain itu, PBT turut terlibat dengan tindakan penguatkuasaan operasi bersepadu bersama agensi Kerajaan yang lain seperti pihak Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan sebagainya bagi membanteras peniaga kecil warga asing ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, KPKT tidak mempunyai maklumat menyeluruh daipada PBT mengenai jumlah tangkapan yang

dibuat. Walau bagaimanapun, berdasarkan maklum balas daripada 5 PBT pada tahun 2016, sebanyak 26 bilangan operasi telah dijalankan dengan 4 lesen telah dibatalkan dan melibatkan 69 bilangan rampasan dan sitaan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Julai 2017

RT21/347

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS** : **DATO' HAJAH NORMALA BINTI**  
**DARIPADA** **ABDUL SAMAD [PASIR GUDANG]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Dato' Hajah Normala Binti Abdul Samad [Pasir Gudang]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tindakan dan pendekatan yang akan diambil oleh pihak Kementerian berhubung kenyataan 402 buah sekolah di Malaysia yang mempunyai masalah disiplin dan apakah peranan agensi-agensi yang terbabit termasuk para guru serta PIBG bagi memerangi isu disiplin ini.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Pendekatan yang telah dan akan diambil oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi membantu sekolah-sekolah yang dikategorikan sebagai hotspot adalah seperti berikut:

- i. Intervensi bersepadu membangunkan sahsiah dan disiplin murid melalui pendekatan disiplin, kaunseling, akademik, dan PIBK;
- ii. Pengurusan sekolah dan guru-guru sentiasa memperlihatkan sikap kepedulian mereka kepada murid;
- iii. Mempertingkatkan pelibatan ibu bapa dan komuniti dalam pembangunan sahsiah diri murid di sekolah;



- iv. JPN, PPD, dan sekolah sentiasa mengambil langkah kesegeraan dalam menangani isu-isu dengan membentuk *Task Force* menangani isu yang berlaku; dan
- v. Permuafakatan (NBOS) dengan agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan.

RT21/347

SOALAN NO: 348

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB DATUK HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD

SOALAN:

**Datuk Hajah Normala binti Abdul Samad [ Pasir Gudang ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah majikan sesebuah syarikat bertanggungjawab sepenuhnya untuk menanggung kos perubatan/rawatan bagi pekerja yang mengalami kemalangan di tempat kerja dan bukanlah bergantung pada polisi insurans semata-mata.

PR-1352-T00925

## JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) sebagai agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia bertanggungjawab memberi perlindungan keselamatan sosial kepada pekerja yang ditimpa kemalangan bencana kerja dan penyakit khidmat. Di bawah Peraturan 71 (2), Peraturan-Peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja 1971, majikan bertanggungjawab melaporkan kemalangan dalam apa-apa hal dalam masa empat puluh lapan (48) jam selepas diterima notis di bawah Peraturan 68 atau dari masa kemalangan itu sampai ke pengetahuan majikan atau mana-mana pegawai-pegawai lain, yang di bawah pengawasannya Orang Berinsurans itu bekerja tatkala kemalangan itu berlaku atau mana-mana orang lain dilantik bagi maksud itu oleh majikan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

2. Jika kemalangan bencana kerja berlaku, PERKESO menyediakan rawatan perubatan secara percuma di klinik panel PERKESO atau klinik/hospital kerajaan kepada pekerja yang ditimpa bencana kerja.

Tuan Yang Di Pertua,

3. Di samping itu, Jabatan Tenaga Kerja (JTK), merupakan jabatan yang menguatkuasakan Akta Pampasan Pekerja 1952,

kepada majikan yang mengajikan pekerja asing. Kewajipan majikan menginsuranskan pekerja asing mereka di bawah Skim (Insurans) Pampasan Pekerja Asing atau *Foreign Workmens Compensation (Insurance) Scheme (FWCS)*. Skim FWCS menyediakan faedah pampasan kepada pekerja asing yang ditimpa bencana kerja (di dalam dan luar waktu kerja) yang mengalami hilang upaya sementara, hilang upaya kekal dan maut. Antara tanggungjawab JTK adalah membuat taksiran pampasan mengikut kategori hilang upaya kekal, sementara dan maut ke atas kecederaan pekerja yang terlibat dengan kemalangan berbangkit dengan pekerjaan serta membantu dalam pembayaran pampasan kepada orang tanggungan.

4. Di bawah peruntukan Seksyen 60F (1) Akta Kerja 1955, majikan juga bertanggungjawab untuk membayar kos-kos konsultasi (*consultation fee*) selepas pekerja berjumpa pengamal perubatan yang berdaftar. Majikan juga bertanggungjawab untuk membayar sijil cuti sakit hospitalisasi di bawah peruntukan seksyen 60F (1) (*bb*) Akta Kerja 1955 jika perlu dan diperakui oleh pengamal perubatan berdaftar.

5. Pada dasarnya majikan di Negara ini tidak bertanggungjawab dari sudut undang-undang untuk menanggung kos perubatan atau rawatan secara terus kepada pekerja mereka yang mengalami kemalangan di tempat kerja. Namun begitu, kerajaan juga telah memperkenalkan Skim Perlindungan Insurans Kesihatan Pekerja Asing (SPIKPA) yang bertujuan mengurangkan tunggakan bil hospitalisasi, pembedahan dan rawatan yang gagal dijelaskan oleh

warga asing yang mendapatkan khidmat rawatan dan perubatan di hospital-hospital kerajaan penuh dan separa kerajaan, namun skim ini juga berjaya memberi manfaat yang besar kepada pekerja yang mengalami kemalangan.